

<b>Headline</b>	Ceramah pelaburan hartanah Ahad ini
<b>Media Title</b>	Berita Harian
<b>Date</b>	9 October 2015
<b>Sections</b>	Bisnes
<b>Language</b>	Malay
<b>Frequency</b>	Daily

9/10/15

© JUMAAT 9 OKTOBER 2015 **BH**



Orang ramai melihat replika projek Agile Mont Kiara.

## Ceramah pelaburan hartanah Ahad ini

**Agile** Real Estate Development (M) Sdn Bhd, pemaju hartanah akan mengadakan ceramah pelaburan hartanah pada Ahad ini di galeri jualannya di Mont Kiara, Kuala Lumpur.

Syarikat itu berkata, pihaknya menjemput pengarang buku terlaris *The Strategic Property Investor*, Ahyat Ishak untuk menyampaikan ceramah 'Membeli Hartanah Dalam Masa Tidak Menentu' dari jam 2 hingga 4 petang.

"Ahyat akan berkongsi mengenai tip dan strategi pelaburan dan khususnya bagaimana untuk melabur dalam hartanah dalam masa ketidakpastian," katanya dalam satu kenyataan, kelmarin.

Ahyat adalah pengasas program Pelabur Hartanah Strategik dan menjadi jutawan sebelum beliau berusia 30 melalui pelaburan hartanah.

Beliau sudah membantu ramai rakyat negara ini meningkatkan kekayaan mereka dengan ketara dengan mencontohi kejayaannya dalam strategi pelaburan hartanah.

Ahyat mula melabur dalam hartanah lebih daripada satu dekad lalu selepas beliau diperkenalkan kepada pelaburan hartanah oleh ibunya.

Melalui kajian dan penyelidikan yang teliti, Ahyat membangunkan satu set strategi pelaburan hartanah yang membolehkan beliau menjadi bintang pelabur hartanah Generasi Y.

Ahyat bekerja sebagai pengawal keselamatan dalam kerjaya pertamanya.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan dan mendaftar berminat untuk menghidungnya boleh menghubungi talian 03-26308880.